

Bahaya ajaran Qadiani

Fahaman yang menyimpang daripada landasan Islam sebenar, umat Islam disaran berhati-hati

AJARAN Qadiani atau Ahmadiyah berasal dari India, dia diasaskan oleh Mirza Ghulam Ahmad bin Muhammad yang dilahirkan di Qadian, berhampiran kota Amritsar, Punjab. Diasaskan pada tahun 1889 di Malaysia dan dipercaya bertapak pada tahun 1930 di Batu 20, Jeram, Kuala Selangor, Selangor.

Gerakan Qadiani turut dikenali sebagai Ahmadiyah, Ahmadi atau Ahmadiyyah yang pada awalnya berpegang kepada kepercayaan bahawa ajaran Mirza adalah ajaran yang sebenar.

Pada 15 Disember 1953, telah dilakukan perbahasan antara kumpulan ini dengan para alim ulama di hadapan Sultan Selangor, Almarhum Sultan Ismailuddin Alam Shah.

Hasil perbincangan tersebut telah diputuskan bahawa ajaran Qadiani tidak dikirir sebagai ajaran Islam, malah terkeluar daripada Islam. Keputusan itu menyebabkan kumpulan tersebut semakin lumpuh.

Terdapat pelbagai perleewangan yang dapat dikesan dalam ajaran Qadiani. Antaranya adalah dakwaan Mirza Ghulam Ahmad dirinya sebagai Nabi yang menerima wahyu.

Beliau berkata: "Demi ALLAH yang nyawa saya di tangannya, Dialah yang telah mengutus dan menamakan saya nabi dan menunjukkan bukti-bukti yang jelas tentang kebenaran dakwaan saya yang jumlahnya sampai tiga ratus ribu bukti."

Beliau turut mendakwa dirinya sebagai Isa al-Masih selepas didesak oleh orang kananannya dengan tujuan menguahkan ajaran dan keyakinan pengikutnya. Beliau mengatakan bahawa Nabi Isa benar-benar dibubun dan bukannya diangkat ke langit oleh ALLAH dan orang yang mati tidak mungkin akan hidup di dunia lagi.

Selain itu, beliau mendakwa dirinya mempunyai mukjizat. Katanya: "Nabi ALLAH itu telah mewujudkan tiga ribu mukjizat dan saya melebihi dari satu juta."

Katanya lagi: "Bulan yang terang menjadi gerhana kerana saya, masakan dapat meninjau bulan dan matahari menjadi puasat kerana saya. Turut

mendakwa dirinya sebagai Imam Mahdi selepas mengaku dirinya sebagai Mujaddid.

Mirza Ghulam Ahmad turut menafikan konsep jihad. Beliau telah menyebutkan perihal jihad seperti berikut:

"Jihad dengan pedang telah dilarang. Semua perperangan untuk agama sekiranya ini telah ditegah. Sebarang jihad untuk tujuan agama telah diharangkan. Pada pendapat saya, tiada doktrin yang memburukkan nama Islam lebih daripada doktrin jihad. Saya menghimbau sebahagian besar umur saya untuk mengiyakan kerajaan British dan menentang jihad."

Di samping itu, beliau turut melakukan tafsir al-Quran iaitu mengubah ayat-ayat suci al-Quran mengikut kehendaknya sendiri agar bertepatan dengan dakaawan-dakaawannya.

Keputusan Fatwa Selangor

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor (dikenali sebagai Jawatankuasa Perundng Hukum Syaria' dalam selangor) telah memutuskan bahawa:

1 Ajaran Qadiani adalah satu ajaran yang menyalahai ajaran Islam yang sebenarnya. Pengikut-pengikut ajaran Qadiani itu telah dihukumkan kafir oleh ulama Islam serantau.

2 Jabatan Agama Islam Selangor melalui Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak telah menghukumkan kafir kepada pengikut-pengikut Qadiani yang berpusat di Batu 20 Jeram, Kuala Selangor pada 15 Disember 1953 setelah mereka dibacarkan di Istana Kuala Lumpur di hadapan Sultan Selangor dan beberapa alim ulama di negeri Selangor. Setiap orang yang telah menjadi pengikut ajaran Qadiani adalah telah mutard. Maka, wajiblah dituntut mereka bertaubat dan kembali kepada Islam dengan ikar dua kalimah syahada.



Majlis Agama Islam Selangor

3 Antara ciri-ciri ajaran itu menurut Mirza Ghulam Ahmad:

- Sebagai nabi yang menerima wahyu Imam Mahadi
- Isa al-Masih
- Mempunyai mukjizat
- Para nabi menyaksikan dirinya
- Malaikat sebagai pancaindera tuhan
- Nabi Isa AS telah mati dan kurnunya di Srinagar, India

4 Orang-orang Islam dilarang menjual, mendedah, membeli, memiliki atau memberi ceramah tentang isi kandungan buku-buku berikut:

Invitation To Ahmadiyyah yang dikarang oleh Hazrat Hj Mirza Bashir-ud-din Ahmad (Khalifatul Masih II).

Penawar Racun Fitnah Terhadap Ahmadiyyah yang ditulis oleh Pengurus Besar Jema'at Ahmadiyah.

Alam Sebagai Saksi yang dikarang oleh Mohamad Zain bin Hasan.

The Holy Quran With English Translation And Commentary (Vol II, Part I) yang dikarang oleh M Mas'ud Ahmad.

Mudah berkembang
di negeri ini berikutan
sikap umat Islam sendiri
yang mudah terpengaruh
dengan anasir luar

37 AJARAN SESAT

Fatwa tahun 1998 di atas telah diperincikan pada tahun 2000 iaitu:

Memandangkan mana-mana orang yang telah mengajari ajaran Qadiani telah menjadi mutard (keluar daripada agama Islam), akibatnya dari segi hukum syarak dan undang-undang sivil adalah:

1 Perkahwinan orang tersebut boleh dibubar dengan pengesahan Mahkamah Syariah mengikut seksyen 46 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984;

2 Orang tersebut tidak boleh menjadi wali dalam akad nikah anak perempuan;

3 Orang tersebut tidak boleh mewarisi harta peninggalan kerabat-kerabat Muslimnya; dan

4 Orang tersebut tidak berhak untuk mendapatkan apa-apa keistimewaan yang diperuntukan kepada orang Melayu di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Negeri dan sekiranya hak-hak tersebut telah diberi, dinikmati atau diperoleh oleh orang tersebut, ia hendaklah terhenti dan berkuasa dan bolehlah dilucut, ditirik balik dan dibatalkan mengikut mana berkenaan, oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

Kesimpulan

Akidad Islam berdasarkan pegangan Ahli Sunah Wal Jamaah yang menjaidi peganan di negara ini mestilah sentiasa dihayati agar sebarang anasir perosak akidah dapat dihajui.

Oleh itu, umat Islam di Malaysia khususnya di negeri Selangor perlu menjauhi diri daripada sebarang aktiviti yang mempunyai ciri-ciri yang telah disebutkan di atas dan menjauhi diri daripada segala bentuk ajaran dan fahaman yang merugikan.

Segera laporkan segera aktiviti yang merugikan kepada pihak berkewaspada agama bagi membenarkan penularan ajaran yang boleh merosakkan akidah, syariah dan ahlakul umat Islam.